



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN**

Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: +603-88849370 (Aras 4)  
Faks: +603-88849315  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-15/2/88 Jld.2 ( 72 )  
Tarikh : 23Julai 2021

Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan,

**PENGEMASKINIAN DAN PENGISIAN MAKLUMAT MURID YANG MENERIMA  
PERANTI KOMPUTER DI BAWAH PROGRAM CERDIK PADA APLIKASI  
PANGKALAN DATA MURID**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan di bawah Program CERDIK, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Yayasan Hasanah telah mengedar dan mengagihkan peranti komputer dengan aksesori bagi mengakses talian internet kepada murid kategori keluarga berpendapatan B40 berdasarkan Purata Garis Kemiskinan Tahun 2019 di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Pada September 2021, sejumlah 150,000 peranti komputer akan diagihkan kepada murid yang layak.
3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan data murid penerima peranti komputer di bawah CERDIK dikemas kini bagi tujuan pelaporan kepada pengurusan tertinggi KPM dan pengauditan, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat telah menyediakan ruangan baharu dalam menu Bantuan Murid bagi menanda status murid menerima peranti komputer di dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM). Pengemaskinian maklumat ini boleh diakses menerusi log masuk ID guru kelas di alamat portal [apdm.moe.gov.my](http://apdm.moe.gov.my) dan manual pengguna seperti di **Lampiran A**.
4. Pihak BPSH memohon kerjasama YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan untuk memaklumkan tindakan pengemaskinian yang perlu dilakukan oleh guru kelas kepada semua sekolah yang terlibat di bawah kawalan YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan.

5. Sekiranya YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, boleh menghubungi pegawai berikut iaitu Tuan Haji Ahmad Faris bin Johan di talian 03-88849225 atau e-mel [faris.johan@moe.gov.my](mailto:faris.johan@moe.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINAL BIN ABAS)**

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Sektor Operasi Sekolah  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**LAMPIRAN A**

Alamat portal : **apdm.moe.gov.my**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera

**Modul Pengurusan Murid**  
Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM)

**Log Masuk Pengguna**

ID Pengguna   
Kata Laluan   
HANTAR  
[Lupa kata laluan](#)

**Makluman Kepada Semua**

**PEMAKLUMAN!** Mulai 15 Ogos 2018 semua pengguna aplikasi ini perlu menukar katalaluan baharu untuk memastikan id pengguna tidak disalahguna. *baharu!*

**PERHATIAN:** Sekiranya maklumat murid tidak dipaparkan (kosong) atau mesej kelas belum ditetapkan, sila klik [disini untuk bantuan](#)

- [Surat Pelaksanaan KWAPM -APB](#) *baharu!*
- [Surat Kemaskini Maklumat Penjaga Secara Atas Talian](#) *baharu!*

**1. Masukkan ID : NO KP GURU KELAS dan Kata Laluan : YANG TELAH DITETAPKAN SENDIRI OLEH GURU KELAS**

**TAGGING MURID MENERIMA BANTUAN**

**Modul** ▼  
Data Murid  
Bantuan Murid  
Pindaan Maklumat  
Maklumat Murid Bukan Warga

Bantuan Murid  
Kelas : 1 A

**2. Pilih menu BANTUAN MURID**

BIL	ID MURID	NAMA	JENIS BANTUAN YANG DITERIMA									
			ELAUN MURID BERKEPERLUAN KHAS	BIASISWA SUKAN	KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN	BIASISWA KECIL PERSEKUTUAN	ELAUN PRAUNIVERSITI	RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN	PROGRAM SUSU SEKOLAH	BANTUAN MAKANAN ASRAMA	PERJALANAN DAN PENGANGKUTAN MURID	
1	9492796	ADAM DANISH BIN HASHIM	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**3. Senarai bantuan akan dipaparkan**

**4. Tanda tick di petak BANTUAN YANG DITERIMA MURID**

.....sambungan paparan

JENIS BANTUAN YANG DITERIMA									
PROGRAM SUSU SEKOLAH	BANTUAN MAKANAN ASRAMA	PERJALANAN DAN PENGANGKUTAN MURID	PROJEK KHAS MURID SEKOLAH BERASRAMA PENUH	PAKAIAN SERAGAM PASUKAN BERUNIFORM	JAKET KESELAMATAN MURID	AWAL PERSEKOLAHAN	SKIM PINJAMAN BUKU TEKS	LAPTOP CERDAS	BAJAJAN
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**5. Setelah selesai, klik SIMPAN**